

**WAWANCARA SINAR AHAD BERSAMA
PROF. EMERITUS DATO' DR. ABDUL RAHMAN EMBONG**

1) Bagaimana Prof. melihat situasi politik pada masa ini dan pada masa lalu. Adakah apa yang berlaku pada hari ini jauh lebih teruk dan kompleks?

Situasi politik sejak Mac 2020 setelah kejatuhan kerajaan PH dan penubuhan Kerajaan PN sehingga sekarang tetap tidak menentu, lebih-lebih lagi sekarang dengan perisytiharan Darurat serta penggantungan demokrasi berparlimen. Pada hemat saya, keadaan sekarang jauh lebih teruk dalam tempoh 20 tahun ini sejak memasuki abad ke-21. Ini kerana kita berdepan dengan krisis tiga serangkai: (1) krisis kesihatan awam yang dicetuskan pandemik Covid-19 yang mengancam nyawa penduduk menyebabkan sistem kesihatan negara dalam keadaan sangat tertekan; (2) krisis ekonomi yang buruk dengan kadar pertumbuhan negatif; pelaburan asing beralih arah; kehilangan pekerjaan dan pendapatan yang menjejaskan kehidupan keluarga dengan teruk; serta meningkatnya masalah kesihatan mental; dan (3) krisis politik yang tidak berkesudahan, mencabar legitimasi kepimpinan dalam pemerintahan PN, yang menjurus ke arah krisis governan negara.

Krisis tiga serangkai ini kita tidak pernah kita alami. Krisis terdekat sebelum ini berlaku lebih dua dekad yang lalu, iaitu krisis kewangan 1997/98 yang merebak menjadi krisis ekonomi, serta krisis kepimpinan politik tetapi kedua-duanya menjadi stabil tidak lama kemudian. Masa itu tidak ada Darurat kesihatan dan Darurat politik dalam erti kata penggantungan Parlimen.

2) Pada ketika ini negara berhadapan dengan tiga masalah paling besar iaitu Covid-19, banjir dan situasi politik yang tidak berkesudahan. Pada pandangan Prof., apakah langkah untuk mengisytiharkan darurat merupakan langkah terbaik?

Banjir ini musibah bermusim berlaku hampir setiap tahun dan boleh dikendalikan dengan baik kerana ada mekanisme dan jentera yang cukup berpengalaman dan berkesan di peringkat pusat dan negeri di bawah Majlis Keselamatan Negara khususnya NADMA. Bezanya kali ini pengurusan bencana banjir dilakukan dalam keadaan wabak Covid-19, justeru risiko jangkitannya lebih besar, maka kepatuhan kepada SOP sangat penting.

Darurat boleh meredakan buat sementara percaturan dan krisis politik tetapi ia bukan ubatnya. Ia tidak seperti vaksin untuk covid. Parlimen harus pulih dan dikembalikan fungsinya kerana itulah sistem negara kita – demokrasi berparlimen. Malaysia dikenali di dunia sebagai negara yang berjaya membawa perubahan politik secara damai melalui pilihan raya umum ke-14 pada Mei 2018, sedangkan di beberapa negara lain, perubahan berlaku melalui kekerasan. Bahkan di Amerika juga berlaku keganasan pada 6 Januari kerana Presiden Trump yang berkuasa berdolak-dalik tidak mahu undur walaupun dia sudah kalah dalam pilihan raya. Sekarang di Washington sudah diisytiharkan Darurat – kerana berlakunya kekerasan dan ancaman keganasan menjelang upacara mengangkat sumpah Presiden yang baharu pada 20 Januari.

Di negara kita tidak ada sebarang kekerasan atau keganasan seperti di Washington. Pada hemat saya, krisis politik ini berterusan kerana ia tidak diselesaikan melalui saluran yang betul iaitu Parlimen walaupun kesempatan itu ada sebelum ini. Saya

rasa kita harus hormati kewibawaan institusi Parlimen. Manakala ahli-ahli Parlimen harus bertanggungjawab dan berintegriti kerana anda diberi mandat dan amanah oleh rakyat.

Apa yang sangat diperlukan oleh negara kita sekarang ialah negarawan dalam kalangan pemimpin – tunjukkan keupayaan memimpin sebagai negarawan yang boleh dihormati dan dipercayai. Defisit kepercayaan kepada orang politik pada masa ini sangat tinggi. Atasi defisit kepercayaan itu dengan bertindak selaku negarawan yang benar-benar meletakkan kepentingan negara dan rakyat mengatasi kepentingan politik kepartian dan puak. Saya harap para pemimpin dan ahli politik yang berkuasa menjiwai hakikat bahawa kuasa itu amanah yang harus ditunaikan sebaik mungkin sesuai dengan sumpah jawatan, dan sangat penting dijiwai bahawa kuasa itu sementara – ia datang dan pergi selaras dengan prinsip demokrasi.

3) Apakah kesan yang dijangka berlaku sepanjang pelaksanaan darurat sehingga bulan Ogos ini dan apakah kemungkinan ia akan disambung untuk satu tempoh tertentu lagi?

Sukar untuk diramalkan sama ada ia akan disambung atau tidak. Negara kita ada Perlembagaan, dan Darurat itu diisytiharkan oleh DYMM SPB Yang di-Pertuan Agong berasaskan peruntukan Perlembagaan.

Kesan Darurat yang berpanjangan akan menjejaskan reputasi negara dan iklim pelaburan, membantut pemulihan ekonomi, lebih-lebih lagi sekarang sistem semak-dan-imbang ke atas kuasa pihak Eksekutif sudah tiada.

4) Pada pandangan Prof., apakah isu-isu yang mungkin menyebabkan kemungkinan darurat akan mengambil tempoh lebih lama?

Dalam Proklamasi Darurat sudah ditetapkan ia akan berakhir pada 1 Ogos 2021, ataupun lebih awal. Saya harap ia ditamatkan lebih awal dan Parlimen dipulihkan. Juga pandemik Covid-19 dapat dikawal melalui pelaksanaan PKP dan kerjasama rakyat, manakala program vaksinasi dapat dilakukan apabila Vaksin diperolehi pada akhir Februari.

Krisis politik walaupun belum selesai tidak menjadi alasan untuk penerusan Darurat. Selesaikanlah di Parlimen secara berhemah.

5) Adakah pelaksanaan darurat ini memberikan kelebihan kepada Perikatan Nasional atau menyebabkan kredibiliti kerajaan yang dipimpin oleh Tan Sri Muhyidin Yassin ini tergugat?

Penggunaan Kuasa Darurat ada pro dan kontranya kepada Kerajaan PN dan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin. Ia memberikannya kestabilan buat sementara. Berdasarkan bilangan yang ada di pihak PN dan di pihak Pembangkang, majoriti tipis Kerajaan PN semakin tipis; spekulasi mengatakan mungkin Kerajaan PN sudah kehilangan majoriti dengan penarikan sokongan dua orang Ahli Parlimen UMNO. Justeru ini boleh menggugat lebih lanjut kerajaan PN, walaupun ia boleh terus memerintah kerana kuasa Darurat. Kuasa Darurat itu ibarat *circuit breaker* dalam percaturan politik yang tidak berkesudahan.

6) Kerajaan menyatakan bahawa keperluan untuk melaksanakan darurat adalah untuk mengatasi masalah Covid-19 tetapi ada yang mengatakan ia

merupakan langkah politik bagi menyelamatkan kerajaan PN. Bagaimana Prof. melihat perkara ini?

Saya sudah jawab soalan ini dalam beberapa bahagian di atas. Darurat itu ibarat *circuit breaker* yang meredakan ketegangan politik dan memberi masa untuk Kerajaan PN.

Tentang Covid-19, ia harus ditangani dengan “whole of government approach” dan “whole of society approach” – ertinya seluruh jentera kerajaan bergerak serempak dan bersepadu, dan seluruh tenaga dalam masyarakat digemblengkan. Tenaga-tenaga pakar seperti pakar perubatan, kesihatan awam, kesihatan mental dan kaunseling, dan pakar-pakar lain mesti dilibatkan. Tentu anda tahu Surat Terbuka Kepada Perdana Menteri oleh 40 orang lebih pakar terkemuka khasnya mereka di bidang perubatan. Buah fikiran dan tenaga mereka patut dimanfaatkan. Jangan hanya libatkan mereka yang ‘mesra’ dengan pemerintah sahaja. Tentang NGO, memang ada yang terlibat, tetapi ada baiknya satu mekanisme nasional untuk melibatkan NGO secara meluas juga patut diwujudkan. Ini krisis nasional yang harus ditangani merentasi kepentingan politik dan ideologi atau kaum dan agama.

7) Pada pandangan Prof. apakah langkah terbaik untuk menyelesaikan konflik politik yang berlaku dalam negara pada ketika ini. Adakah pilihan raya perlu dilaksanakan dengan segera atau pembentukan sebuah kerajaan perpaduan ataupun Perikatan Nasional terus mentadbir negara dibawah proklamasi darurat sehingga tamat penggal PRU-14?

Pada hemat saya, langkah pertama cara penyelesaian krisis politik kita sekarang ini terletak di Parlimen, iaitu dengan memulihkan sistem demokrasi berparlimen dan

selesaikannya melalui undi percaya di Parlimen. Sekiranya Kerajaan PN yang dipimpin Perdana Menteri sekarang memperoleh undi percaya, maka ia memperoleh wibawa undang-undang dan moral dan harus dihormati oleh semua pihak untuk terus mengemudikan pimpinan negara. Sekiranya ia gagal, maka harus ikut proses Perlembagaan dan ambil tindakan secara terhormat serahkan kepada budi bicara Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Perdana Menteri dan Kerajaan yang baharu. Terakhirnya ialah serahkan semula mandat itu untuk ditentukan oleh rakyat melalui pilihan raya umum ke-15.

Akan tetapi, saya rasa PRU 15 tidak harus dilakukan secara tergesa-gesa memandangkan situasi negara belum tersedia dan pandemik belum terkendali. Saya tidak yakin ahli politik yang bertanding dan para pengikut mereka akan dapat mematuhi SOP; begitu juga dalam kalangan pengundi. Mengadakan PRU dalam keadaan mereka tidak dapat mematuhi SOP dengan baik akan amat membebankan pihak KKM dan barisan hadapan yang lain untuk mengawalinya. Jangan jadi seperti kata pepatah, tiada beban batu digalas.

Saya tidak fikir Darurat akan berterusan sehingga PRU 15; kalau ini berlaku kredibiliti Malaysia di mata dunia akan sangat terjejas. Apakah akan diwujudkan kerajaan perpaduan? Konsep ini patut difikirkan dengan mendalam kalau mahu melaksanakannya. Apakah ia gabungan baharu pelbagai parti berasaskan penjajaran politik baharu? Atau Perdana Menteri tetapi kabinetnya bersifat teknokratik dan tidak menurut garis parti – semacam amalan kabinet Amerika Syarikat?

8) Kedudukan Kerajaan Perikatan Nasional dikatakan sudah hilang majoriti selepas dua ahli Parlimen UMNO menarik sokongan bagaimanapun perkara itu dapat diatasi menerusi darurat. Pada pandangan Prof. apa yang boleh dirumuskan daripada perkara ini?

Saya sudah sentuh soalan ini dalam jawapan kpda Soalan 7 di atas. Sama ada majoriti itu sudah hilang atau tidak masih merupakan spekulasi selagi tidak diuji melalui undi percaya di Parlimen.

9) Jika Perikatan Nasional dikatakan sudah hilang sokongan tetapi dalam masa yang sama Pakatan Harapan juga tidak mendapat sokongan untuk membentuk kerajaan yang menyebabkan keadaan menjadi tergantung. Adakah solusi terbaik yang boleh Prof. berikan?

Memang boleh berlaku situasi tergantung, dan ini tidak menyelesaikan masalah ketidakstabilan politik. Tetapi ruang dan peluang untuk mencari penyelesaian baharu itu terbuka apabila adanya undi percaya di Parlimen. Apakah penjajaran baharu politik akan berlaku? Itu satu kemungkinan yang tidak boleh dikesampingkan.

Walau apapun, semua pemimpin politik dari pihak Kerajaan mahupun Pembangkang, bertindaklah selaku negarawan. Berpeganglah pada prinsip amanah dan akauntabiliti, elakkan bergayut pada kuasa yang dipertikai ataupun kepada kuasa yang dikejar.

Saya rasa setelah Wawasan 2020 Malaysia memerlukan suatu konsensus nasional yang baharu tentang masa hadapan negara termasuk ekonomi, politik dan

masyarakat berbilang kaum. Ini termasuk pemikiran mengenai satu penjajaran baharu politik yang inklusif tetapi harus berasaskan prinsip, mengambil kira kepelbagaian kaum, bukannya kepentingan politik yang sempit dan kuasa yang bersifat sementara.

Melihat dalam perspektif sejarah berjangka panjang, Malaysia kini berada pada detik sejarah politik transisi pendemokrasian. Walaupun wujud hambatan dan pengunduran tetapi itu bersifat sementara. Transisi politik ini memerlukan masa sebelum ia menjadi mantap. Saya jangkakan PRU 15 ini pun belum lagi dapat membawa kemantapan itu sepenuhnya. Namun PRU 15 akan membuka jalan mengharungi transisi ke arah politik yang lebih demokratik, mantap dan matang. Dalam ilmu sosiologi dan sains politik, wujud satu konsep penting yang dikenali sebagai ‘semangat zaman’ atau ‘mood zaman’. Untuk senang difahami, kalau dalam dunia muzik, era 1960-an irama pop yeh yeh boleh dianggap sebagai pencerminan *mood* zaman, dan hari ini irama ini cuba dihidupkan semula. Ini citarasa seni.

Tetapi dalam politik konsep ‘semangat atau mood zaman’ itu berbeza sedikit, dan lebih luas. Ia merupakan citarasa, tuntutan dan pegangan yang semakin meluas untuk demokrasi, transparensi, akauntabiliti, keadilan sosial, integriti, penghapusan rasuah serta kewujudan kemakmuran yang dinikmati bersama tanpa mengira kaum. Citarasa ini semakin menjadi *habits of the heart* – meminjam istilah Alexis de Tocqueville. Citarasa ini antara lain hasil daripada pendemokrasian pendidikan dan kesedaran politik yang semakin luas yang berkaitan dengan semakin besarnya bilangan kelas menengah berbilang kaum dan berpendidikan. Namun kewujudan kelas menengah yang besar tidak menafikan wujudnya golongan miskin dan

berpendapatan rendah serta golongan rentan dan terpinggir yang juga memang ramai.

Kita dapat rasai wujudnya detak ‘semangat zaman’ ini dalam masyarakat kita. Penjajaran baharu politik atau apapun formulanya harus mengambil kira ‘semangat zaman’ ini tetapi harus mengelakkan daripada menggunakannya secara oportunis untuk membangkitkan populisme perkauman.

10) Satu ketika dahulu, ramai yang memperkatakan tentang sistem dua parti yang diamalkan di Amerika Syarikat dan Britain tetapi selepas PRU-14 menunjukkan bahawa parti-parti politik semakin berpecah dengan kewujudan lebih banyak parti baharu. Apa pandangan Prof. mengenai situasi ini?

Terdapat beberapa pilihan. Pilihan sistem dua parti seperti di AS dan Britain itu acuan berdasarkan sejarah dan budaya politik mereka. Mungkin sesuai dengan budaya politik mereka. Tetapi sejarah, masyarakat, budaya politik dan sistem politik Malaysia berlainan dengan AS. Dengan Britain juga perbezaan tertentu wujud walaupun sistem Malaysia berasaskan sistem Westminster kerana di Malaysia, kuasa Darurat boleh digunakan dan sudah digunakan banyak kali. Saya teringat satu masa dahulu selepas pemulihan Parlimen pada awal 1971 susulan Peristiwa 13 Mei dan Darurat, Tan Sri Ghazali Shafei memanggil sistem ini sebagai “demokrasi ala-Malaysia”.

Saya rasa mahu tidak mahu, politik Malaysia akan terjurus ke arah politik gabungan – bukan politik dua parti, tetapi politik dwi-gabungan atau politik permuafakatan. Maksudnya dua gabungan atau dua pakatan. Politik gabungan ini

harus sesuai dengan ciri-ciri kepelbagaian masyarakat negara kita, iaitu politik gabungan antara kaum yang inklusif dan demokratik. Politik gabungan ini tidak sama dengan sistem di Amerika atau Britain.

11) Terdapat kemungkinan kita akan berhadapan dengan tiga gergasi politik dalam PRU-15 iaitu Barisan Nasional, Perikatan Nasional dan Pakatan Harapan. Pada pandangan Prof., apakah terdapat kemungkinan setiap gabungan parti politik itu untuk mendapat majoriti semakin tipis?

Ya, kelihatanya wujud tiga gergasi politik yang kuat. Tetapi hakikatnya setiap gergasi itu kakinya bukan semestinya kaki yang kuat, kerana kadang-kadang terpaksa bertongkat, ataupun menggunakan kaki palsu. Maksudnya, majoriti masing-masing akan tipis; mereka tidak kuat apabila bersendirian. Mahu tidak mahu, mereka perlu mencari gabungan melalui penjajaran baharu untuk mempunyai daya tahan.

12) Pada pandangan Prof. apakah pada masa depan Malaysia akan dapat pulih semula daripada kemelut politik yang tidak berkesudahan ?

Malaysia telah melalui pelbagai kemelut politik, yang paling buruk ialah Peristiwa 13 Mei 1969. Dari segi politik, krisis itu diatasi dengan membentuk gabungan politik baharu pada masa itu, iaitu Kerajaan Campuran pada 1973, dan gabungan Barisan Nasional pada 1974. Namun, ada satu lagi mekanisme nasional yang strategik diwujudkan, iaitu Majlis Perundingan Negara di mana pelbagai pihak – tokoh perseorangan yang komited, berwibawa dan mempunyai kepakaran, mereka merentasi garis politik – dilantik untuk berunding dan mencari formula baharu mengatasi kemelut itu. Hasilnya dua – pertama Rukun Negara yang diumumkan

oleh SPB Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970, dan kedua, Dasar Ekonomi Baru. Kedua-dua dokumen penting ini dalam pelaksanaannya mencorakkan perkembangan dan pembangunan Negara kita sampai ke hari ini manakala pemerintahan Barisan Nasional bertahan sehingga Mei 2018.

Tetapi, untuk mewujudkan semua ini, pimpinan pada masa itu, Allahyarham Tun Razak, bersifat negarawan, berpandangan jauh, mempunyai wawasan yang luas. Beliau tidak berfikiran sempit atau menyisihkan pihak lain termasuk para pakar kerana politik. Beliau faham negara Malaysia ini milik semua, bukan milik sejumlah orang sahaja.

Saya rasa hikmah pengajaran sejarah ini patut dilihat kembali oleh pimpinan dan para cerdik pandai sekarang. Justeru, pada hemat saya, ada jalan keluarnya daripada kemelut yang dihadapi Malaysia hari ini jika para pemimpin politik bertindak sebagai negarawan, tidak jumud dan taksub, dan memanfaatkan pengalaman sejarah ini.

13) Apakah harapan Prof. terhadap parti-parti politik di negara ini.

Saya harap pemimpin-pemimpin politik luaskan ufuk pemikiran mereka, jangan terkepung oleh minda kepentingan parti dan kuasa semata-mata. Jadilah negarawan. Itulah yang dikehendaki oleh rakyat dan negara terhadap mereka.

Saya harap setelah Wawasan 2020 dan bergerak ke hadapan, parti-parti dan pemimpin politik bersedia untuk paradigma baharu dalam politik. Kuasa itu amanah yang diberikan oleh rakyat melalui sistem demokrasi, dan kuasa itu sementara. Buatlah yang terbaik untuk negara dan rakyat. Apabila gagal atau

berbuat kesilapan, akuilah kegagalan dan kesilapan itu, jangan mencari seribu satu dalih untuk mempertahankan kesilapan dan kegagalan; hormati kebijaksanaan rakyat dan patuhilah undang-undang sama seperti rakyat biasa. Ambil tanggungjawab, dan letak jawatan, serahkan balik mandat itu kerana anda telah gagal. Inilah asas politik integriti, politik baharu, budaya baharu walaupun integriti ini sudah wujud zaman berzaman.

Saya rasa kita perlu belajar daripada sejarah jatuh bangun tamadun. Baca dan hayati intipati karya besar Ibn Khaldun. Pemimpin dan rakyat berjuang dengan susah payah pada mulanya, kemudian berjaya naik dan berkuasa, lantas leka dan alpa, berseronok, menyalah guna kuasa dan berfoya-foya, akhirnya Negara merosot dan jatuh tamadun itu. Inilah intipati kesimpulan sejarah jatuh bangun tamadun oleh Ibn Khaldun. Apakah sejarah Malaysia setelah Merdeka lebih enam dekad menunjukkan kecenderungan berlaku seperti yang dilakarkan oleh Ibn Khaldun ini?

Saya harap tidak. Dan kita rakyat Malaysia boleh mengelakkannya daripada berlaku dengan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam memilih di peti undi, dan menuntut pemimpin supaya melaksanakan amanah mereka dengan jujur dan bertanggungjawab.

Saya ingin tegaskan semula pentingnya membentuk konsensus nasional baharu melalui mekanisme perundingan nasional yang inklusif. Wujudkan gagasan baharu yang boleh diterima oleh semua untuk melangkah ke hadapan setelah Wawasan 2020. Gagasan baharu itu harus mengandungi semangat intipati gagasan-gagasan besar sebelum ini seperti yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baharu iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum – yakni keadilan sosial tanpa mengira

kaum, menyusun semula masyarakat dan mewujudkan perpaduan nasional seperti dinyatakan dalam Rukun Negara.

Dalam Rukun Negara, lima prinsipnya harus diamalkan sehari-hari. Ini semua rakyat patut tahu. Juga jangan lupa lima matlamat yang terkandung dalam Mukadimah Rukun Negara iaitu mewujudkan Negara yang bersatu, cara hidup demokratik, masyarakat yang adil dan kemakmuran dinikmati bersama, mempunyai sikap terbuka terhadap khazanah kepelbagaian budaya yang kaya raya, serta masyarakat yang progresif berlandaskan sains dan teknologi. Dan daripada Wawasan 2020, cabaran utamanya ialah membentuk Bangsa Malaysia yang bersatu, dan mewujudkan Malaysia sebagai negara yang maju dan makmur.

Selain itu, fikirkan formula baharu pelantikan kabinet. Pelantikan menurut parti yang diamalkan selama lebih 60 tahun ini ada kebaikan tertentu tetapi akan kekangannya kerana *talent* atau bakat yang berada di luar parti tidak dapat dimanfaatkan dalam pemerintahan. Bakat di luar parti harus dimanfaatkan, dan budaya memberi ganjaran kepada perwakilan parti dengan melantik ke dalam kabinet perlu difikir semula dan diubahsuai demi kepentingan negara. Justeru mungkin perlu ada adunan baharu – perwakilan parti yang menang dan perwakilan teknokrat yang sama imbang dalam kabinet. Apakah budaya politik Malaysia bersedia menerima pembaharuan ini?

Akhir kata, saya berharap Wawasan Kemakmuran Bersama yang diwarwarkan sebelum ini dapat mengambil kira pelbagai perkara ini. Mudah-mudahan begitulah hendaknya.

.....

Wawancara ini terbit dalam Sinar Harian pada 17 Januari 2021.

